

KPDNHEP rampas barangan bernilai RM15.8 juta

CHERAS - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor merampas barangan bernilai RM15.8 juta mengikut pelbagai akta menerusi operasi yang dijalankan sejak Januari hingga kelmarin di seluruh negeri itu.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, dalam tempoh sama pihaknya juga telah mengeluarkan kompaun sebanyak RM360,950 mengikut pelbagai akta di bawah agensi itu.

Menurutnya, daripada jumlah itu, KPDNHEP Selangor menerima sebanyak 5,082 aduan secara keseluruhan di mana 1,065 melibatkan aduan harga.

"Jika dilihat peratusan aduan diterima adalah bersamaan dengan 20.96 peratus dan ini menunjukkan bahawa orang awam semakin memberi tumpuan terhadap kesalahan melibatkan harga ini," katanya pada sidang akhbar bersempena pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019 di Pasaraya NSK



Loy Sian (dua dari kiri) menyemak harga barangan di Pasaraya NSK Bandar Mahkota Cheras semalam.

Bandar Mahkota Cheras di sini semalam.

Hadir sama, Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian.

Dalam pada itu, Loy Sian berkata, pihaknya akan menyediakan peruntukan lebih pada tahun hadapan bagi tujuan pengedaran papan tanda harga khas yang dapat digunakan sepanjang pelaksanaan skim harga maksimum pada musim perayaan.

Katanya, sepanjang pe-

laksanaan skim berkenaan sempena perayaan Deepavali, sebanyak 500 papan tanda harga khas berwarna merah jambu telah disediakan buat peniaga dan peruncit di seluruh Selangor.

"Papan tanda harga lebih keras dan mudah buat peniaga untuk menulis harga barangan terkawal pada musim perayaan malah dapat diguna berulang kali," katanya.

Loy Sian berkata, bekalan bawang merah kecil sepanjang musim perayaan Deepavali juga mencukupi dan tiada sebarang aduan diterima sehingga kini.